

19 NOV 2001

Mahkamah-Bunuh

SAKSI: SAYA BERI MAKLUMAT KEPADA KETUA SAYA DUA KALI

SHAH ALAM, 19 Nov (Bernama) -- Seorang saksi dalam kes pembunuhan dan rogol seorang jurutera komputer di Klang pada tahun lepas memberitahu Mahamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau memberitahu ketua penyiasatnya maklumat mengenai kes itu pada peringkat pertengahan dan akhir sesi soal-siasat dengan tertuduh.

Detektif Korporal Sukdarshan Singh Jangir Singh berkata beliau memberi maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumbernya sendiri itu kepada ketuanya jauh sedikit dari tertuduh dan tidak didengarnya.

"Maksud saya, ASP Sapii (Ahmad) telah bangun dari tempat duduknya dan pergi jauh sedikit dari OKT (Orang Kena Tahan) dan pada ketika itu baru saya beritahu maklumat yang saya telah dapatkan kepadanya (Sapii)," katanya.

Sukdarshan berkata demikian dalam sesi bicara dalam perbicaraan Hanafi Mat Hassan, 32, yang dituduh membunuh Noor Suzaily Mukhtar, 24, pada 7 Okt tahun lepas.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu antara pukul 8.50 pagi di Lorong Pegaga, Taman Chi Liung, dan 9.15 pagi di atas sebatang jalan di kawasan pembinaan perumahan Taman Bukit Tinggi, kedua-dua tempat di Klang.

Hanafi, seorang pemandu bas dari Bachok, Kelantan juga dituduh merogol mangsa antara jam 8.15 pagi di Lorong Pegaga, Taman Chi Liung dan 9.15 pagi di atas sebatang jalan di kawasan pembinaan perumahan Taman Bukit Tinggi Klang pada tarikh yang sama.

Bicara dalam perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Mohd Hishamudin Mohd Yunus diadakan untuk menentukan pengakuan yang diberikan Hanafi kepada polis ketika soal-siasat ke atasnya diadakan dengan secara sukarela.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Mohamed Hanafiah Zakaria, Sukdarshan berkata maklumat itu pertama kali diberitahu kepada Sapii ketika ketua penyiasat itu menanyakan soalan kepada Hanafi.

Sapii sedang menyoal Hanafi di mana dia berada pada pagi 7 Okt 2001 dan pukul berapa Hanafi telah membawa bas yang dipandunya masuk ke kawasan Taman Perumahan Bukit Tinggi.

Maklumat kedua yang beliau beritahu kepada ketuanya ialah pada masa akhir soal-siasat iaitu ketika Hanafi memberitahu Sapii bahawa dia ada membukakan pintu bas dan membuang sesuatu di taman perumahan itu.

Katanya kedua-dua maklumat itu disampaikan kepada Sapii pada jarak yang agak jauh dari tertuduh dalam bilik tempat soal-siasat dijalankan.

"Jauhnya beberapa meter dari tertuduh yang duduk dan tidak dapat didengari oleh tertuduh," katanya.

Ketika menjawab soalan balas peguam bela Hanafi, Sreekant Pillai, detektif itu berkata beliau tidak nampak ada kesan darah di bahagian belakang seluar tertuduh selepas tertuduh membuat pengakuan kepada polis.

Dalam perbicaraan 16 Nov lepas, Sukdarshan memberitahu mahkamah bahawa dia nampak Sapii menaip sesuatu selepas Hanafi mengaku ingin berkata sesuatu selepas ketua penyiasat itu membacakan keterangan amaran kepadanya.

Saksi seterusnya, Detektif Korporal Hashim Abdul Rashid pula hari ini berkata sebelum Sapii menaip sesuatu, tertuduh ada mengaku bahawa dia menyamun, merogol dan membunuh seorang perempuan.

Ketika menjawab soalan Mohamed Hanafiah, Hashim berkata kemudian Hanafi menyatakan mayat perempuan itu telah dibuang di tepi jalan di kawasan pembinaan Taman Bukit Tinggi Klang.

Kemudian menjawab soalan balas peguam bela Hanafi, Shenton Maniam,

Hashim berkata beliau ada bersendiri bersama Hanafi di dalam sebuah bilik Cif inspektor Idris di Pejabat Cawangan Kongsi Gelap di Balai Polis Klang pada hari tertuduh ditangkap pada 10 Oktober 2001.

Hashim berkata, di bilik itu jugalah rakan sejawatannya, Sukdarshan, telah membuat satu laporan mengenai tangkapan Hanafi manakala beliau sendiri mengawal tertuduh.

Hashim juga berkata beliau dengan Sukdarshan ada bersama tertuduh di sepanjang kira-kira satu jam berada di bilik itu, tetapi cuma kadang-kala Sukdarshan pergi keluar meninggalkan bilik.

Beliau mengakui kepada mahkamah bahawa beliau ada membawa pistol bersamanya ketika mengawal Hanafi di dalam bilik itu.

Hashim juga tidak bersetuju dengan cadangan Shenton bahawa dia menampar, mengugut atau memukul Hanafi semasa beliau berseorangan bersama tertuduh di dalam bilik Cif Inspektor Idris.

Saksi itu juga berkata beliau tidak mengugut Hanafi supaya bekerjasama dengan polis kerana jika tidak, dia akan teruk dipukul.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA

RIZ NMO